

SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA


KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN EAIC MENGENAI PEWARTAAN LOKAP AGENSI ANTI-DADAH KEBANGSAAN (AADK) DAN ISU PENYELEWENGAN GAS PETROLEUM CECAIR (LPG)

Putrajaya 14 Jun 2016 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) menyokong penuh keputusan oleh Agensi Anti-Dadah Kebangsaan (AADK)ewartakan tiga lokap milik AADK yang telah siap dibina bagi tujuan khusus menempatkan tahanan-tahanan berkaitan penagihan dadah atau penyalahgunaan dadah.

Dengan pewartaan lokap khusus tersebut, penagih-penagih dadah kronik atau tegar yang biasanya ditempatkan di lokap-lokap polis secara sementara kerana menunggu urusan reman atau hasil ujian air kencing atau perbicaraan mahkamah akan dapat diuruskan dengan lebih baik dan diberikan rawatan yang awal dan sewajarnya oleh pihak AADK.

EAIC percaya bahawa usaha menempatkan orang tahanan atau tangkapan yang terdiri daripada penagih dadah yang kronik atau tegar tersebut di lokap-lokap khusus yang berasingan daripada tahanan-tahanan kesalahan jenayah lain akan dapat mengurangkan atau mengelakkan sama sekali kejadian kematian orang tahanan di lokap polis seperti yang berlaku dalam kes James Ramesh a/l Ramasamy




yang meninggal dunia pada 26 Mei 2013 semasa ditahan di Lokap Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang.

Usaha menempatkan tahanan yang terdiri daripada penagih dadah di lokap-lokap khusus adalah selari dengan syor yang telah dikemukakan oleh EAIC di dalam laporan siasatan kematian James Ramesh a/ Ramasamy yang boleh diakses laporan penuh siasatan tersebut di laman sesawang EAIC www.eaic.gov.my.

EAIC berharap pihak AADK dapat menggubal satu standard tatacara operasi (SOP) yang komprehensif dalam pentadbiran dan pengurusan lokap-lokap khusus sedemikian dengan mengambil kira semua peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengannya.

Dalam pada itu Suruhanjaya ini juga memandang berat isu berkaitan penyelewengan gas petroleum cecair (LPG) yang dilaporkan secara eksklusif oleh Utusan Malaysia sejak 12 Jun 2016 yang dikatakan terdapat penglibatan oleh pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan anggota keselamatan.

Sehubungan ini EAIC memohon kepada pihak-pihak yang mempunyai apa-apa maklumat yang berkaitan dengan penglibatan pegawai penguat kuasa dalam aktiviti penyelewengan LPG untuk menyalurkan maklumat tersebut kepada EAIC.



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: www.eaic.gov.my

Butiran alamat dan kaedah menghubungi EAIC boleh didapati di laman sesawang EAIC www.eaic.gov.my.

EAIC juga sedang berusaha menghubungi pihak Persatuan Perlindungan Pengguna Malaysia (PPPM) bagi mendapatkan apa-apa maklumat yang boleh membantu EAIC membuat siasatan selaras dengan peruntukan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] yang memberi kuasa statutori penyiasatan kepada EAIC ke atas apa-apa salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan seliaan EAIC. KPDNKK merupakan salah satu daripada agensi di bawah seliaan EAIC.

-TAMAT-

DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM

Pengerusi

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

14 Jun 2016